

19 APR 2001

Mahathir-Ilmu

ILMU PENGETAHUAN DAN NILAI MULIA PERLU SEIRING UNTUK MASYARAKAT BERJAYA

GENTING HIGHLANDS, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ilmu pengetahuan dan nilai yang mulia perlu seiring dalam melahirkan masyarakat yang baik dan berjaya.

Ilmu pengetahuan tanpa nilai yang mulia belum tentu dapat melahirkan masyarakat yang baik, sebaliknya nilai-nilai yang mulia tanpa ilmu pengetahuan juga tidak akan melahirkan masyarakat yang berjaya, katanya.

"Memang benar ibu bapa juga bertanggungjawab untuk menyemai nilai-nilai murni yang baik tetapi ibu bapa mungkin tidak terlatih sama ada berkenaan dengan nilai-nilai yang patut menjadi pilihan atau cara yang berkesan untuk menyemainya," kata Perdana Menteri semasa merasmikan Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001 di Institut Aminuddin Baki di sini hari ini.

Justeru itu pendidiklah yang bertanggungjawab untuk membentuk generasi baru yang lebih berpengetahuan dan berperibadi yang sesuai untuk kejayaan sesebuah masyarakat, katanya.

Dr Mahathir berkata jika sesebuah masyarakat itu tidak mempunyai budaya yang sesuai, pengembangan budaya yang baru yang lebih sesuai perlu diusahakan dengan secara sengaja melalui latihan dan usaha menyebarkan nilai-nilai yang baik itu kepada pendidik terlebih dahulu.

"Jika pendidik sudah terima dan menerap budaya baru ini, dan dilatih secara khusus untuk menyemaikannya di kalangan murid dan pelajar, maka proses membentuk budaya baru yang sesuai dengan kemajuan boleh dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata perbezaan di antara kemajuan bangsa-bangsa di dunia berpunca daripada nilai-nilai hidup iaitu budaya yang dipegang dan diamal oleh bangsa berkenaan.

Perdana Menteri memberi contoh di Malaysia sendiri yang menyerlahkan perbezaan ketara antara amalan budaya Melayu yang tidak begitu menghargai ilmu dengan budaya Cina yang memberikan penghargaan amat tinggi terhadap penguasaan ilmu pengetahuan.

Disebabkan itulah prestasi anak Melayu di universiti tidak begitu baik dan mereka dilihat lebih menumpukan masa dan tenaga kepada kegiatan lain daripada mementingkan usaha mempelajari ilmu.

"Pendedahan ini mungkin menyakitkan hati pihak tertentu, tetapi perbezaan budaya antara Cina dan Melayulah yang menyebabkan dasar ekonomi baru sukar dicapai,"katanya.

"Jika kita ingin mengimbangkan prestasi kaum di Malaysia, nilai hidup dan budaya yang menghalang pencapaian kemajuan perlu dikikis...perubahan nilai hidup dan budaya mesti diusahakan di kalangan anak-anak Melayu.

"Mereka perlu diasuh dengan nilai-nilai Islam yang sebenar, bukan yang sengaja dikembangkan sekarang oleh pihak yang mempunyai kepentingan lain," kata Dr Mahathir.

Beliau turut menegaskan bahawa ketika Wawasan 2020 disuarakan buat kali pertama, negara masih lagi berada di zaman industri tetapi hari ini Malaysia berhadapan dengan paradigma baru iaitu negara yang maju perlu menguasai teknologi dan maklumat.

"Wawasan 2020 yang kita bayangkan pada 1991 tidak sama dengan Wawasan 2020 yang dapat kita gambarkan hari ini, mungkin juga ia akan berubah lagi dalam jangkamasa 20 tahun sebelum tiba tahun 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata Wawasan 2020 banyak bergantung kepada kualiti rakyat hasil daripada pendidikan yang diterima mereka.

"Orang Islam telah terlepas peluang Revolusi Perindustrian, janganlah

orang Melayu di Malaysia sengaja melepaskan peluang dari Revolusi Maklumat. Jika kita terlepas kali ini tidak mungkin lagi kita mengejar kemajuan," katanya.

-- BERNAMA

MS MK RV RON